

PERATURAN DAN SYARAT KURSUS INDUKSI

1. Majlis Perasmian dan Taklimat Kursus.

- i. **Tarikh:** 22 Mac,2010(Isnin) **Tempat:** Dewan Utama, Purnama Beach Resort
Masa: 8.30malam hingga 10.30 malam
- ii. Tuan/puan diwajibkan hadir pada masa dan tempat yang ditetapkan dengan berpakaian rasmi lengkap bertali leher (Lelaki) dan tanda nama;
- iii. Tuan/puan dikehendaki membawa 2 keping gambar terkini berukuran passport; dan
- iv. Tuan/puan dikehendaki melengkap dan menyerahkan borang-borang berkaitan kepada Urusetia selepas majlis taklimat selesai.

2. Penginapan, Makan dan Perjalanan.

- i. Kursus Induksi adalah kursus berpakej , tuan/puan disediakan kemudahan tempat tinggal dan makan di pusat kursus; dan
- ii. Kemudahan pengangkutan tidak disediakan. Tuan/puan boleh membuat tuntutan perjalanan dari rumah kediaman ke pusat kursus, pergi dan balik atas kadar satu tempat duduk tambang teksi mengikut pekeliling yang sedang berkuatkuasa.

3. Alat-alat Keperluan Diri

- i. Segala keperluan diri semasa berkursus seperti kasut dan pakaian sukan/solat adalah menjadi tanggungjawab tuan/puan;
- ii. Peralatan alat tulis seperti buku nota, pen, pensil juga tidak disediakan oleh pihak penganjur; dan
- iii. Tuan/puan adalah digalakkan membawa *laptop* peribadi bagi tujuan memudahkan membuat tugas sepanjang kursus berjalan.

4. Kehadiran

- i. Tuan/puan dikehendaki hadir sepanjang tempoh kursus ini dan tidak melibatkan diri dalam apa jua aktiviti yang boleh menjejaskan reputasi tuan/puan atau organisasi semasa berkursus;
- ii. Tuan/puan dikehendaki berpakaian kemas dan tidak menjolok mata, lengkap bertali leher (bagi pegawai lelaki) dan memakai tanda nama sepanjang tempoh berkursus;
- iii. Tuan/puan dilarang membawa ahli keluarga tinggal bersama;
- iv. Peserta yang mengandung 7 bulan ke atas tidak digalakkan menghadiri kursus; dan
- v. Sila hubungi pihak urusetia untuk maklumat lanjut.